

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.05.2016

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan risiko terhadap ‘Sovereign Ratings’ Malaysia memandangkan institusi-institusi seperti Fitch dan Standard & Poors telah menyatakan kebimbangan mereka terhadap kejadian ingkar bayar (default) yang melibatkan bond dan sukuk terbitan 1MDB.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Adalah perlu dijelaskan bahawa risiko terhadap penurunan *sovereign ratings* adalah terkawal. Kedudukan ini adalah berikutan agensi penarafan antarabangsa seperti Fitch dan Standard and Poors terus mengekalkan penarafan Malaysia kepada A- dan *stable outlook* pada

23 Februari dan 28 Mac 2016 iaitu dalam tempoh 6 bulan dari kunjungan tahunan pada Jun 2015. Kedua-dua agensi ini telah melaksanakan semakan penarafan kepada kitaran 6 bulan berbanding 12 bulan selari dengan peraturan yang ditetapkan di Eropah berikutan ketidaktentuan ekonomi global dan penurunan harga minyak mentah dunia.

2. Pengekalan penarafan oleh agensi tersebut jelas menunjukkan bahawa mereka mengiktiraf pendekatan pengurusan makroekonomi dan fiskal negara yang bersandarkan kepada asas kedudukan ekonomi Malaysia yang kukuh bagi memastikan pertumbuhan ekonomi terus rancak dan komitmen terhadap langkah konsolidasi fiskal walaupun dalam persekitaran harga minyak yang rendah dan isu-isu semasa berbangkit. Agensi penarafan tersebut juga menjelaskan bahawa isu berkaitan 1MDB tidak akan menjelaskan usaha struktur pembaharuan ekonomi dan fiskal. Ini menunjukkan Kerajaan telah berjaya memastikan kedudukan ekonomi dan kewangan negara terus terurus.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Sungguhpun penarafan yang baik telah diberi oleh agensi penarafan berkenaan, Kerajaan terus berusaha bagi mengekalkan dan meningkatkan penarafan, antaranya:

- a. meneruskan pelaksanaan program transformasi ekonomi dengan memberi fokus kepada 12 bidang berimpak tinggi dan berupaya menjana pendapatan tinggi;
 - b. meneruskan langkah pembaharuan dan konsolidasi fiskal bagi menyediakan ruang fiskal;
 - c. melaksanakan GST iaitu peralihan kepada sistem cukai yang lebih menyeluruh dan saksama serta meningkatkan kecekapan kutipan hasil;
 - d. rasionalisasi subsidi bagi memastikan pengagihan subsidi yang lebih bersasar dan mengurangkan ketirisan;
 - e. meningkatkan keyakinan pelabur untuk melabur di dalam negara dan mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan;
 - f. memastikan negara adalah stabil dari segi politik bagi penggubalan dasar dan membuat keputusan seterusnya memberi manfaat kepada rakyat dan meningkatkan pendapatan perniagaan; dan
 - g. memastikan setiap maklumat terkini disampaikan kepada agensi-agensi penarafan berkenaan melalui sesi *engagement* yang berterusan termasuk isu berkaitan dengan kejadian ingkar bayar tersebut.
4. Dengan usaha yang dilakukan, Kerajaan percaya bahawa risiko

terhadap penurunan *sovereign ratings* adalah terkawal.